

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK IR. DR. WEE KA SIONG**  
**[AYER HITAM]**  
**TARIKH : 18 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit yang dirawat di hospital dan klinik Kerajaan pada tahun 2013. Berapakah kos subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan.**

## **Tuan Yang di-Pertua**

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya menyimpan rekod berdasarkan jumlah kemasukan pesakit dalam dan kedatangan pesakit luar sahaja, bukannya jumlah pesakit. Rekod terkini adalah sehingga tahun 2012. Berdasarkan rekod, jumlah kemasukan pesakit dalam di hospital KKM bagi tahun 2012 ialah 2,314,860 kemasukan dan jumlah kedatangan pesakit luar ke fasiliti kesihatan KKM iaitu merangkumi kedatangan di hospital dan klinik pula ialah 49,602,486 kedatangan.

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di negara ini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM17.7 billion dalam perbelanjaan mengurus pada tahun 2013 yang mana termasuk bekalan ubat-ubatan, reagen, vaksin, peralatan pakai buang dan sebagainya. Berbanding dengan kutipan hasil kerajaan di hospital dan klinik pada tahun yang sama berjumlah RM250.8 juta. Pada tahun 2013, Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak RM40.1 juta kepada 5,261 permohonan melalui kemudahan Tabung Bantuan Perubatan (TBP). TBP bertujuan membantu golongan miskin atau kurang berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan yang tidak dapat disediakan di hospital Kerajaan.

Selain itu, Kerajaan juga masih mengekalkan bayaran caj RM1.00 untuk pesakit luar yang mana caj ini termasuk perundingan, ubat dan segala siasatan yang dijalankan.

Bagi pesakit yang mendapatkan rawatan sebagai pesakit dalam di hospital, Kerajaan telah mengenakan kadar caj wad yang minimum bermula dari RM3.00 bagi Wad Kelas Tiga, RM20.00 bagi Wad Kelas Dua dan RM80.00 bagi Wad Kelas Satu. Kadar caj wad ini adalah rendah berbanding dengan kadar pasaran. Di samping itu juga, pengecualian juga boleh diberikan kepada pesakit warganegara di wad kelas tiga yang tidak mampu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagai Kerajaan yang prihatin, golongan rakyat yang kurang berkemampuan yang mengalami penyakit ginjal tahap akhir (*End Stage Renal Disease*) diberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan *erythropoietin* (EPO) apabila mendapat rawatan dan suntikan ini di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO). KKM telah memberi subsidi rawatan hemodialisis dan suntikan *erythropoietin* kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan iaitu pada kadar sebanyak RM50 untuk setiap rawatan dialisis dan RM30 untuk suntikan *erythropoietin*